

**PERSEPSI KESELAMATAN PELANCONG
DI KAWASAN EKOPELANCONGAN
KAJIAN KES: TAMAN NEGARA, PAHANG**

NURUL ISWANI BINTI ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Perancangan Pelancongan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2006

*“Khas ditujukan untuk keluarga tersayang,
Abah-Ismail Bin Osman, Mama-Wan Hasnah Binti Wan Ali,
Adik-Nurul Hasmaliza, Muhd. Iswan, Muhd. Hasmanuddin,
Muhd. Nazwan, Muhd. Amirnurddin,
Rakan-rakan seperjuangan dan istimewa untuk Sarahudin Bin Bandu.”*

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada beberapa individu yang telah membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, Dr. Mohammad Rafee bin Majid di atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyediaan laporan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah iaitu Prof Madya Dr. Amran Hamzah, Prof Madya Dr. Zainab Khalifah, Puan Nor Azina Dahlan dan En. Ahmad Tajuddin Hj. Kechik di atas panduan dan nasihat yang telah diberikan.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada penguasa dan semua kakitangan Taman Negara, Pahang. Terima kasih kepada Cik Nor Ilyana Binti Muda (Timbalan Penguasa Taman Negara, Pahang) yang banyak membantu sepanjang saya menjalankan kajian lapangan di Taman Negara.

Tidak dilupakan juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan dan kumpulan pengkaji TPRG di atas nasihat dan pertolongan yang diberikan sepanjang saya menjadi warga UTM, Skudai.

Akhir sekali buat ahli keluarga saya yang banyak membantu serta memberi sokongan dan juga kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Segala kerjasama dan jasa baik kalian akan dikenang selamanya.

ABSTRAK

Persepsi keselamatan pelancong merupakan aspek penting dalam membentuk imej sesebuah destinasi. Persepsi yang negatif mungkin akan memusnahkan sesebuah destinasi pelancongan tersebut. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan di kawasan bandar tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang dijalankan di kawasan ekopelancongan. Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi pelancong terhadap keselamatan di kawasan ekopelancongan iaitu Taman Negara, Pahang. Aspek keselamatan yang dikaji merangkumi persepsi ketika bersiar-siar di siang hari, melakukan aktiviti, menggunakan pengangkutan ke Taman Negara, menggunakan kemudahan yang disediakan dan berjalan di waktu malam. Kajian mendapati pelancong merasa tidak selamat ketika berjalan keluar pada waktu malam dan melakukan aktiviti berkayak. Persepsi keselamatan pelancong juga dikenalpasti sama ada ia mempunyai kaitan atau hubungan dengan faktor sosio demografi pelancong. Penemuan kajian mendapati faktor umur, mod lawatan dan kekerapan mengunjungi Taman Negara berkait rapat dengan persepsi mereka terhadap keselamatan mereka di Taman Negara. Selain daripada faktor sosio-demografi, persepsi keselamatan pelancong juga mempunyai hubungan dengan tahap pengurusan pelancong terhadap pengurusan keselamatan di Taman Negara.

ABSTRACT

Perception of safety among tourists is an important aspect in forming an image of a destination. A negative perception may destroy the destination's image. Numerous studies have been conducted in the urban areas regarding safety, however, there is only a few that is carried out in an ecotourism destination. This study is aimed to evaluate tourists' perceptions towards safety in an ecotourism destination, which is Taman Negara Pahang. Safety aspects that is studied comprise of tourists' perceptions while sightseeing during the day-time, engaging in activities, using transports to Taman Negara, utilizing facilities provided and walking at night. The study has found that tourists felt unsafe while walking in the outdoors at night and while kayaking. Tourists' perceptions on safety are also identified whether it has any correlation with the tourists' socio-demographic factors. The findings has concluded that factors of age, travel mode and frequency of visiting Taman Negara is very closely related to tourists' perceptions towards their safety in Taman Negara. Other than socio-demographic factors, tourists' perceptions on safety are also correlated with level of visitor management towards safety management in Taman Negara.

ISI KANDUNGAAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
I	PENGENALAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Persoalan Kajian	4
1.4	Matlamat Dan Objektif Kajian	5
	1.4.1 Matlamat Kajian	5
	1.4.2 Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Peringkat Kajian	6
	1.6.1 Fasa I – Kajian Awal	6
	1.6.2 Fasa II – Pengumpulan Maklumat	6
	1.6.3 Fasa III – Analisis	7
	1.6.4 Fasa IV – Penemuan Kajian dan Cadangan	7
1.7	Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data	9
	1.7.1 Penentuan Saiz Sampel	9
	1.7.2 Instrumen Tinjauan	10
1.8	Kawasan Kajian	13
1.9	Kepentingan Kajian	15
II	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Definisi Dan Teori Keselamatan Secara Umum	16
2.3	Proses Pemilihan Destinasi Dan Faktor Keselamatan	19

2.4	Faktor Keselamatan Dalam Pelancongan	23
2.4.1	Ekopelancongan Dan Keselamatan	23
2.4.2	Garis Panduan Keselamatan Dalam Pelancongan	24
2.4.3	Palancong Eko	26
2.4.4	Spektrum Aktiviti Pelancong	28
2.5	Persepsi Pelancong Terhadap Keselamatan Di Sesebuah Destinasi Pelancongan	29
2.6	Perkaitan Di Antara Demografi Pelancong Dan Persepsi Pelancong Terhadap Keselamatan	30
2.7	Kesimpulan	31
 III TAMAN NEGARA, PAHANG		
3.1	Pengenalan	34
3.2	Akta Taman Negara Dan Enakmen Taman Negara	35
3.3	Taman Negara, Pahang	36
3.4	Kedatangan Pelancong Ke Taman Negara, Pahang	38
3.5	Tarikan di Taman Negara, Pahang	39
3.6	Aktiviti di Taman Negara, Pahang	42
3.7	Pengurusan Taman Negara, Pahang	44
3.8	Amalan Keselamatan di Taman Negara, Pahang	47
 IV ANALISIS		
4.1	Pengenalan	52
4.2	Analisis Deskriptif	53
4.2.1	Profil Responden	53
4.2.2	Pekerjaan dan Mod Bercuti Responden	55
4.2.3	Tujuan Lawatan	56
4.2.4	Kekerapan Dan Tempoh Kunjungan Ketika Berada Di Taman Negara	57
4.2.5	Sumber Informasi Mengenai Taman Negara	58

4.2.6	Aktiviti atau Program Yang Dilakukan Ketika Di Taman Negara	59
4.3	Analisis Deskriptif Persepsi Pelancong Mengenai Keselamatan di Taman Negara	60
4.4	Analisis Keselamatan Menggunakan <i>Cross-Tabulation</i>	62
4.4.1	Umur Terhadap Aktiviti Berenang dan Menggunakan Tapak Perkhemahan	63
4.4.2	Mod Lawatan Terhadap Tinggal Di Penginapan	64
4.4.3	Tujuan Lawatan ke Taman Negara Terhadap, Menggunakan Rentis Dan Menggunakan Laluan Kanopi	65
4.4.4	Kekerapan Lawatan Terhadap Aktiviti Berkayak	66
4.5	Analisis Keselamatan Menggunakan ANOVA (<i>Analysis of Variance</i>)	68
4.5.1	Persepsi Keselamatan Dan Faktor Umur Responden	69
4.5.2	Persepsi Keselamatan Dan Faktor Negara Asal Responden	70
4.5.3	Persepsi Keselamatan Dan Faktor Kekerapan Lawatan Responden	70
4.5.4	Persepsi Keselamatan Dan Faktor Mod Lawatan Responden	71
4.6	Analisis Pengurusan Taman Negara	72
4.6.1	Penilaian Am	75
4.7	Analisis Statistik <i>Cross-Tabulation</i>	76
4.7.1	Cross-Tabulation Di Antara Pemandu Pelancong Dan Keselamatan Menggunakan Laluan Kanopi	76
4.7.2	Cross-Tabulation Diantara Pemandu Pelancong Dan Aktiviti Menjelajah Hutan	77

4.7.3	Cross-Tabulation Di antara Pengawal Keselamatan dan Keselamatan Ketika Berjalan Keluar Pada Waktu Malam	78
4.7.4	Cross-Tabulation Di Antara Alat Keselamatan Dengan Aktiviti Berkayak	79
4.7.5	Cross-Tabulation Penyediaan Papan Tanda Amaran Bahaya Dan Menjelajah Hutan	80
V	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pengenalan	81
5.2	Perbincangan dan Rumusan Mengenai Kajian Pelancong Taman Negara	81
5.3	Perbincangan dan Rumusan Mengenai Persepsi Keselamatan di Taman Negara	82
5.4	Perbincangan dan Rumusan Mengenai Persepsi Pengurusan Keselamatan di Taman Negara	84
5.5	Rumusan	86
5.6	Limitasi	86
	RUJUKAN	87
	LAMPIRAN	91

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Skala Likert Kajian Keselamatan Pelancong	11
2.1	Profil Pelancong Eko	27
3.1	Senarai Taman Negara Di Malaysia	34
3.2	Bentuk Muka Bumi Di Taman Negara	37
3.3	Aktiviti Utama Di Taman Negara	43
3.4	Bayaran Yang Dikenakan Kepada Pengunjung	44
3.5	Aplikasi Keselamatan Di Taman Negara	50
4.1	Ciri-Ciri Demografi Responden	53
4.2	Pekerjaan	55
4.3	Mod Lawatan	55
4.4	Penilaian Keselamatan Oleh Pengunjung Taman Negara, Pahang	60
4.5	Perkaitan Antara Ciri Demografi Dengan Pembolehubah Keselamatan	62
4.6	<i>Cross-Tabulation</i> Persepsi Keselamatan Terhadap Aktiviti Berenang Oleh Umur Responden	63
4.7	<i>Cross-Tabulation</i> Persepsi Keselamatan Terhadap Penggunaan Tapak Perkhemahan Oleh Umur Responden	64
4.8	<i>Cross-Tabulation</i> Persepsi Keselamatan Ketika Tinggal Di Penginapan Oleh Mod Lawatan Responden	65
4.9	<i>Cross-Tabulation</i> Persepsi Keselamatan Ketika Aktiviti Menjelajah Hutan, Menggunakan Kemudahan	66

	(Menggunakan Rentis Dan Laluan Kanopi) Tujuan Responden Ke Taman Negara (Bercuti)	
4.10	Cross-Tabulation Persepsi Keselamatan Ketika Melakukan Aktiviti Berkayak Terhadap Kekerapan Ke Taman Negara	67
4.11	Keputusan ANOVA Satu Hala - Persepsi Keselamatan Dan Ciri Sosio Demografi Pelancong Ke Taman Negara	68
4.12	Persepsi Keselamatan Dan Faktor Umur Responden	69
4.13	Purata Persepsi Keselamatan Dan Faktor Negara Asal Responden	70
4.14	Persepsi Keselamatan Dan Faktor Kekerapan Lawatan Responden	71
4.15	Persepsi Keselamatan Dan Faktor Mod Lawatan Responden	71
4.16	Penilaian Tahap Pengurusan Taman Negara	72
4.17	Cross-Tabulation Perkhidmatan Oleh Pemandu Pelancong dan Laluan Kanopi	76
4.18	Cross-Tabulation Diantara Pemandu Pelancong Dan Aktiviti Menjelajah Hutan	77
4.19	Cross-Tabulation Di Antara Pengawal Keselamatan Dan Keselamatan Ketika Berjalan Keluar Di Waktu Malam	78
4.20	Cross-Tabulation Di Antara Alat Keselamatan Dengan Aktiviti Berkayak	79
4.21	Cross-Tabulation Penyediaan Papan Tanda Amaran Bahaya dan Menjelajah Hutan	80

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta Alir Kajian	8
1.2	Kawasan Kajian	14
2.1	Teori Hieraki Keperluan Maslow	17
2.2	Sistem Pelancongan	18
2.3	Elemen-elemen Mempromosikan Malaysia	20
2.4	Proses Pemilihan Destinasi Untuk Dilawati	22
2.5	Spektrum Aktiviti Pelancong	29
3.1	Kedatangan Pelancong Ke Taman Negara	38
3.2	Laluan Kanopi	40
3.3	Pemandangan Gunung Tahan	40
3.4	Peta Taman Negara, Tahan	41
3.5	Carta Organisasi Taman Negara, Pahang	46
4.1	Responden Domestik	54
4.2	Tujuan Ke Taman Negara	56
4.3	Tempoh Kunjungan Ke Taman Negara	57
4.4	Sumber Informasi Ke Taman Negara	58
4.5	Aktiviti Di Taman Negara	59
4.6	Purata Elemen Pengurusan Keselamatan di Taman Negara	73
4.7	Penilaian Keselamatan Tambahan (Umum)	75

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik – Versi Bahasa Melayu.	91
B	Borang Soal Selidik – English Version.	93
C	Laporan Kemasukan Pelancong Ke Taman Negara, Pahang 2004.	95
D	Laporan Kemasukan Pelancong Ke Taman Negara, Pahang 2004.	97
E	Jadual <i>Cross-Tabulation</i> Ciri-ciri Demografi Terhadap Melakukan Aktiviti	99
F	Ujian <i>Chi-Square</i> Ciri-ciri Demografi Terhadap Aktiviti	100
G	Jadual ANOVA Ciri-ciri Demografi Terhadap Aktiviti	102

BAB I PENGANTAR PENGENALAN

1.1 Pengantar

Sektor perikanan di Malaysia telah menunjukkan peningkatan pesat, terutamanya sejak pertengahan tahun 1980-an. Kumpulan perikanan seperti perikanan kemudi telah berkembang pesat dan telah membawa kepada peningkatan pengeluaran yang pesat. Sektor perikanan telah menjadi salah satu sektor yang paling pesat berkembang dalam ekonomi Malaysia. Sektor perikanan telah menjadi salah satu sektor yang paling pesat berkembang dalam ekonomi Malaysia. Sektor perikanan telah menjadi salah satu sektor yang paling pesat berkembang dalam ekonomi Malaysia.

1.0



PENGENALAN

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Sektor pelancongan di Malaysia telah diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan sejak pertengahan tahun 1980-an. Kespantasan perkembangan industri pelancongan bermula sejak Rancangan Malaysia Kedua ekoran daripada kebimbangan pergantungan yang kuat kepada komoditi utama seperti petroleum, minyak kelapa sawit, getah asli dan kayu balak. Kini industri ini telah menjadi salah satu di antara industri terpenting yang menyumbang kepada sumber pendapatan negara iaitu menjadi penyumbang utama pendapatan wang asing negara, pendapatan pelancong, imbalan pembayaran, peluang guna tenaga, pembangunan industri sokongan (makanan, pengangkutan dan industri desa) dan pembangunan wilayah. Industri pelancongan sememangnya menjanjikan pulangan lumayan kepada sesebuah negara yang mempunyai sumber atau produk pelancongan yang pelbagai.

Namun begitu, industri pelancongan di Malaysia kini dilihat sebagai sesuatu yang dinamik, berubah dan bergerak dengan cepat dan kadangkala tanpa kita sedari. Perubahan ini bergantung kepada faktor permintaan pelancong di mana peningkatan bilangan kedatangan pelancong merupakan aset utama dalam menentukan pencapaian industri pelancongan di sesebuah destinasi.

Pada tahun 2004, Malaysia telah mencatatkan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa seramai 15.7 juta berbanding jumlah kedatangan pelancong pada tahun 2003 iaitu hanya 10.5 juta. Keuntungan kasar telah mengalami peningkatan sebanyak 39.3% iaitu dari RM 21 bilion kepada RM29 bilion, iaitu jumlah keuntungan yang paling tinggi dalam sejarah industri pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia, 2005).

Peningkatan bilangan pelancong ini disebabkan oleh pelbagai faktor contohnya kestabilan dan pengukuhan jaminan keselamatan (*safety and security*) oleh kerajaan Malaysia. Meskipun kejadian pengeboman World Trade Center di New York pada 11 September 2001 sedikit sebanyak memberi kesan kepada jumlah kedatangan pelancong namun promosi mengenai jaminan keselamatan dapat menyakinkan pelancong untuk terus melancong ke Malaysia. Keselamatan adalah aspek yang perlu dititik beratkan di dalam industri pelancongan kerana ia merupakan jaminan asas kepada pelancong atau pelawat yang datang ke sesebuah destinasi. Kepentingan keselamatan juga merupakan aset dalam menarik bilangan pelancong, seterusnya dapat meningkat sumber ekonomi negara.

1.2 Pernyataan Masalah

Keselamatan di dalam pelancongan mempunyai definisi yang luas merangkumi pelbagai aspek seperti keselamatan ketika berada di sesebuah destinasi terutama di kawasan bandar (*urban area*). Kejadian jenayah ragut, culik, rompak, rogol dan sebagainya kerap berlaku kepada pelancong asing (Page & Callander, 2002). Keselamatan di destinasi kampung atau di kawasan alam semula jadi pula adalah terdedah kepada kejadian bencana alam seperti banjir, ribut taufan, dan tanah runtuh.

Page & Mayer (1996) menyatakan kemalangan merupakan penyebab utama kepada kecederaan, kematian dan hilang daya ingatan kepada pelancong yang melancong ke destinasi asing. Kemalangan yang melibatkan pelancong masih

merupakan sesuatu yang dihuraikan secara terhad di dalam penulisan ilmiah, meskipun keadaan ini (masalah keselamatan pelancong) jelas berlaku dan potensi untuk pelancong terlibat di dalam kecederaan dan kematian merupakan senario yang boleh memusnahkan industri pelancongan dan ekonomi negara yang bergantung pada sektor pelancongan (Clift & Page, 1996).

Semua individu sedia maklum bahawa kejadian kemalangan yang melibatkan pelancong akan memberi kesan yang negatif kepada industri pelancongan itu sendiri (Clift & Page, 1996; Greenaway, 1996; Wilks et al., 1996) dan faktor keselamatan dikenal pasti sebagai faktor utama dalam pemilihan destinasi (Bovet, 1994; World Tourism Organisation, 1996). Jika destinasi tersebut mempunyai statistik kemalangan yang melibatkan pelancong yang tinggi, maka destinasi tersebut bukanlah menjadi pilihan utama. Menurut George, (2003), jika pelancong berasa tidak selamat atau terancam di sesuatu destinasi, pelancong tersebut boleh membuat tanggapan negatif terhadap destinasi tersebut. Ini seterusnya akan memusnahkan industri pelancongan di destinasi berkenaan kesan dari penurunan kedatangan pelancong. Ini akan berlaku apabila:-

- i. Pelancong mungkin tidak akan memilih untuk mengunjungi destinasi berkenaan disebabkan kadar jenayah yang tinggi.
- ii. Jika pelancong berasa tidak selamat, mereka tidak akan membuat sebarang aktiviti di luar penginapan mereka.
- iii. Pelancong yang merasa dirinya terancam atau tidak selamat tidak akan membuat kunjungan kali kedua dan tentunya tidak akan mencadangkan destinasi berkenaan kepada saudara mara dan rakan

Justeru itu, tanggapan atau persepsi pelancong merupakan salah satu faktor utama di dalam pemilihan destinasi. Ramai sarjana barat telah mengkaji mengenai persepsi keselamatan pelancong di antaranya ialah Richard George (2003). Di dalam penulisannya yang bertajuk '*Tourist's perceptions of safety and security while visiting Cape Town*', beliau telah membuat perkaitan di antara persepsi pelancong terhadap keselamatan dengan faktor sosio-demografi pelancong tersebut.

Terdapat beberapa pengkaji (Demos, 1992; George. R. 2003) yang telah membuat kajian berhubung persepsi keselamatan pelancong yang memfokuskan kajian mereka di kawasan bandar tetapi agak kurang kajian yang dilakukan di destinasi luar bandar contohnya destinasi alam semulajadi atau ekopelancongan. Kajian perlu dilakukan di destinasi ekopelancongan di Malaysia kerana:

- i. Sumber alam semulajadi merupakan antara produk dan tarikan utama dalam menarik kedatangan pelancong ke Malaysia (*Tourism Malaysia, 2004*).
- ii. Terdapat punca atau ancaman kemalangan yang berbeza di kawasan ekopelancongan berbanding di kawasan bandar.

Oleh itu, kajian terhadap keselamatan perlu dilakukan di setiap destinasi pelancongan untuk menjamin keselamatan para pelancong seterusnya membina tanggapan positif terhadap sesebuah destinasi pelancongan.

1.3 Persoalan Kajian

Daripada pernyataan masalah di atas, dua persoalan kajian telah dibentuk.

- a. Adakah **persepsi pelancong** terhadap keselamatan di kawasan ekopelancongan berbeza berdasarkan faktor sosio demografi pelancong?
- b. Adakah tahap **kepuasan** pelancong terhadap aspek pengurusan keselamatan di sesebuah destinasi mempengaruhi **persepsi** mereka terhadap keselamatan di destinasi berkenaan?

1.4 Matlamat dan Objektif Kajian

1.4.1 Matlamat kajian ini adalah:

“Meningkatkan kualiti dan jaminan keselamatan pelancong
di Taman Negara, Pahang”

1.4.2 Objektif utama kajian ini adalah:

- a. Mengenalpasti **pengurusan dan kawalan keselamatan** pelancong yang diaplikasikan di Taman Negara.
- b. Menilai **persepsi pelancong** mengenai keselamatan mereka ketika berada di kawasan ekopelancongan.
- c. Mengenal pasti **perkaitan** di antara persepsi keselamatan pelancong dan ciri-ciri demografi pelancong.
- d. Mengenal pasti sama ada kepuasan terhadap pengurusan keselamatan mempengaruhi persepsi keselamatan pelancong.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian terbahagi kepada tiga bahagian:

- i. Mengenalpasti pengurusan dan kawalan keselamatan pelancong yang diaplikasikan oleh pengurusan Taman Negara berdasarkan:
 - a. temuduga dengan pihak pengurusan Taman Negara
 - b. soal selidik mengenai kepuasan berkaitan pengurusan keselamatan di Taman Negara terhadap pengunjung Taman Negara.

- ii. Mengkaji dan menilai **profil pelancong** yang mengunjungi kawasan ekopelancongan segi latar belakang, tujuan dan bentuk aktiviti yang dilakukan berdasarkan borang soal selidik.
- iii. Menilai **persepsi pelancong** terhadap tahap keselamatan yang sedia ada dan mengaitkan persepsi ini dengan profil pelancong berdasarkan konsep teoritikal.
- iv. Menilai tahap kepuasan pelancong terhadap pengurusan keselamatan yang sedia ada dan mengaitkannya dengan persepsi pelancong terhadap keselamatan.

1.6 Peringkat Kajian

Peringkat kajian dibahagikan kepada 4 iaitu: (rujuk Rajah 1.1)

1.6.1 Fasa I - Kajian Awal

Langkah pertama dimulai dengan mengenal pasti isu dan masalah sebelum menetapkan matlamat dan objektif. Seterusnya, persoalan penyelidikan dalam kajian dirangka merujuk kepada kajian literatur dan kajian teoritikal. Setelah itu, tiga skop kajian ditentukan dengan berdasarkan persoalan penyelidikan.

1.6.2 Fasa II - Pengumpulan Maklumat


Fasa ini melibatkan dua komponen iaitu data primer dan data sekunder di mana ianya digabungkan bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian. Bagi data primer, kajian tapak dijalankan melalui kaedah borang soal selidik dan temu bual. Manakala data sekunder diperolehi daripada laporan, polisi, garis panduan, statistik daripada Tourism Malaysia, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) Pahang dan sebagainya.

1.6.3 Fasa III – Analisis

Fasa ini melibatkan analisis terhadap data dan maklumat yang dikumpulkan semasa fasa ke dua. Analisis ini akan menggunakan perisian SPSS (iaitu menggunakan analisis statistik cross-tabulation dan ANOVA) untuk mencari perkaitan antara persepsi pelancong terhadap keselamatan dan sosio-demografi pelancong. Analisis juga dibuat untuk mengetahui sama ada tahap kepuasan pelancong terhadap pengurusan keselamatan mempengaruhi persepsi pelancong. Dan analisis terakhir ialah menilai pengurusan dan kawalan keselamatan oleh pihak pengurusan destinasi ekopelancongan.

1.6.4 Fasa IV - Penemuan Kajian dan Cadangan

Fasa yang terakhir iaitu penemuan kajian dan rumusan daripada analisis yang telah dibuat. Fasa ini juga turut menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk dan seterusnya mencapai matlamat kajian iaitu 'Meningkatkan kualiti keselamatan di kawasan ekopelancongan'.



Rajah 1.1: Carta Alir Kajian

1.7 Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data

1.7.1 Penentuan Saiz Sampel

(a) CROSS-TABULATION & ANOVA (Analysis of Variance)

Kedua-dua analisis ini digunakan untuk menilai persepsi keselamatan di kawasan kajian serta menilai tahap kepuasan pelancong terhadap pengurusan dan kawalan keselamatan oleh pihak pengurusan.

Cross-tabulation dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti samada wujud hubungan yang signifikan secara statistik di antara ciri-ciri demografi pelancong yang spesifik (contoh: negara asal) dengan persepsi mereka terhadap keselamatan. Manakala ANOVA dijalankan untuk mengenalpasti samada terdapat hubungan statistik antara persepsi pelancong dan faktor sosio-demografi seperti jantina, umur, negara asal, tujuan lawatan, kekerapan lawatan dan sebagainya. Analisis ini menggunakan ujian ANOVA iaitu chi-square (χ^2). Analisis cross-tabulation juga digunakan untuk mengenal pasti sama ada tahap kepuasan pelancong mempengaruhi persepsi mereka terhadap keselamatan.

Kajian ini akan dijalankan menggunakan borang soal selidik yang dijalankan secara '*probability sampling*'. Terdapat beberapa jenis '*probability sampling*' iaitu '*Random Sampling*' dan '*Stratified Sampling*'. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan '*Random Sampling*' ialah sampel di mana pemilihan elemen-elemen populasi sedemikian rupa sehingga setiap elemen mempunyai kesempatan yang sama menjadi anggota sampel (Rohana Yusof, 2004). Ia juga bermaksud kesemua unit dalam sesuatu populasi mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih.

Berdasarkan statistik kedatangan pelancong pada 2005, Taman Negara menerima seramai 71,631 orang pelancong. Untuk tujuan pengiraan sampel, hanya 257 responden yang diambil sebagai sampel kajian.

Borang soal selidik ini telah dipenuhi menggunakan 2 kaedah iaitu sebahagiannya dijalankan secara bersemuka (*face to face*) dan sebahagian lagi diletakkan di kaunter informasi.

1.7.2 Instrumen Tinjauan (*Survey Instrument*)

a) Borang soal selidik

Borang soal selidik akan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu: (rujuk Lampiran A dan Lampiran B)

- i. Bahagian A – Profil Pelancong
- ii. Bahagian B – Mengenai Lawatan Pelancong
- iii. Bahagian C – Persepsi Pelancong Mengenai Keselamatan di TN
- iv. Bahagian D – Tahap Kepuasan Mengenai Pengurusan Taman Negara

Bahagian pertama mengandungi soalan mengenai latar belakang responden seperti umur, asal negara dan sebagainya. Tujuan bahagian ini adalah untuk menentukan profil pelancong yang datang ke kawasan kajian. Bahagian kedua mengandungi soalan yang berkaitan dengan lawatan pelancong seperti kekerapan, sumber informasi serta aktiviti yang dilakukan ketika berada di kawasan kajian.

Bahagian ke tiga adalah mengenai persepsi atau anggapan serta pandangan pelancong mengenai kesedaran dan tahap keselamatan ketika berada di kawasan kajian. Bahagian ini akan dirangka menggunakan cara Skala Likert (*Likert Scale*) iaitu tahap dari “*sangat selamat (very safe) (1)*” kepada “*sangat tidak selamat (very unsafe) (5)*” (rujuk Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Skala Likert Kajian Keselamatan Pelancong

Skala	Skor	Kriteria
Sangat selamat	1	Individu merasakan kawasan tarikan dan melakukan aktiviti tidak akan mengancam atau mendatangkan kemudaratan / kecederaan kepada tubuh badan individu. Tiada risiko kemalangan.
Selamat	2	Individu merasakan kawasan tarikan dan melakukan aktiviti boleh mendatangkan kemudaratan / kecederaan kecil (hazard yang minima) seperti calar dan luka kecil kepada individu yang hanya memerlukan bantuan alatan peti pertolongan cemas. Kurang berisiko.
Neutral	3	Individu tidak dapat mengkategorikan kawasan tarikan dan aktiviti yang dilakukan adalah selamat atau tidak selamat.
Tidak Selamat	4	Individu merasakan dirinya terancam atau terdedah kepada bahaya dan kemalangan yang boleh memudaratkan dan mendatangkan kecederaan yang kurang serius seperti patah atau luka yang perlu dijahit (kepada tubuh badan individu) ketika berada di kawasan tarikan atau ketika melakukan aktiviti. Berisiko tinggi untuk mengalami kemalangan.
Sangat Tidak Selamat	5	Individu merasakan dirinya amat terancam atau terdedah kepada bahaya dan kemalangan yang boleh memudaratkan / mendatangkan kecederaan yang serius (koma dan lumpuh) kepada tubuh badan individu ketika berada di kawasan tarikan atau ketika melakukan aktiviti. Sangat berisiko tinggi untuk mengalami kemalangan.

Sumber: Lois P. et al. (2004), Ferreira S. and Harmse A. (2000), Page S. (2001)

Manakala bahagian terakhir soal selidik adalah mengenai tahap kepuasan pengunjung terhadap pengurusan dan kawalan keselamatan oleh pihak pengurusan kawasan kajian.

b) Temu bual (*semi structured Interview*)

Sesi temu bual separa berstruktur dirangka untuk mendapatkan maklumat mengenai keselamatan dari segi pengurusan di kawasan kajian. Antara maklumat yang disoal di dalam sesi temubual adalah:

- i. Keadaan semasa mengenai keselamatan di kawasan kajian.
- ii. Adakah berlaku insiden-insiden yang melibatkan kemalangan yang serius kepada pelancong?
- iii. Apakah pengurusan dan kawalan keselamatan pelancong yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam memastikan keselamatan pelancong terjamin?
- iv. Adakah ditubuhkan pasukan penyelamat khas sekiranya berlaku keadaan yang tidak diingini?
- v. Peralatan keselamatan yang digunakan semasa kecemasan?
- vi. Seterusnya adakah terdapatnya pelan-pelan kecemasan sekiranya berlaku kecemasan seperti bencana alam dan sebagainya.


1.8 Kawasan Kajian

Taman Negara, Pahang terletak merentasi sempadan negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu (rujuk Rajah 1.2). Hutan hujan ini merangkumi dua pertiga kawasan negeri Pahang dan Gunung Tahan merupakan titik tertinggi di Semenanjung Malaysia adalah terletak di Taman Negara. Destinasi ini merupakan destinasi ekopelancongan yang popular di Malaysia. Di banyak negara, pertumbuhan ekonomi ekopelancongan adalah lebih pesat daripada pertumbuhan pelancongan secara am (Pelan Ekopelancongan Kebangsaan).

Kini terdapat lebih 10,000 spesis tumbuhan, 250 jenis burung, haiwan termasuk kancil, musang, dan pelbagai spesis monyet. Terdapat juga haiwan seperti tapir, gajah, harimau bintang dan singa. Taman ini juga kaya dengan khazanah pokok yang pelbagai spesis dan ada di antaranya yang berusia 100 tahun. Antara aktiviti utama yang boleh dilakukan ketika di Taman Negara, Pahang:

- i. Menaiki Laluan Kanopi yang terpanjang di dunia
- ii. Menjelajah Gua Telinga
- iii. Memerhati Burung
- iv. Menyusuri rentis-rentis hutan
- v. Mandi manda di Lata Berkoh
- vi. Rapid Shooting
- vii. Bermalam di Bunbun
- viii. Mendaki Gunung Tahan

Berdasarkan statistik pelancong yang dikeluarkan oleh pihak Taman Negara, majoriti pelancong yang berkunjung ke Taman Negara adalah pelancong domestik iaitu seramai 31,233 orang pada tahun 2004. Jumlah ini meningkat kepada 37,819 orang pada tahun 2005 (rujuk Lampiran C dan D). Manakala, bilangan pelancong asing yang tertinggi pada tahun 2004 dan 2005 adalah dari negara Belanda (Holland) iaitu seramai 5,918 orang 6,009 orang.



Peta adalah tidak mengikut skala

Rajah 1.2: Kawasan Kajian

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan maklumat persepsi keselamatan pelancong di Taman Negara. Maklumat ini boleh digunakan oleh pihak pengurusan Taman Negara untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan pelancong. Jaminan tahap keselamatan ini boleh dijadikan sebagai faktor penarik (*pull factor*) di dalam mempromosikan Taman Negara sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan selamat untuk semua.


Daripada hasil kajian ini, kita dapat mengetahui hubungan antara persepsi pelancong terhadap keselamatan dengan faktor-faktor sosio demografi pelancong. Hubungan ini boleh digunakan di dalam analisis permintaan pelancongan (*tourism demand*). Selain itu, kita juga dapat mengetahui adakah tahap kepuasan pelancong terhadap pengurusan mempengaruhi persepsi keselamatan pelancong di Taman Negara.

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengantar

Hal ini akan menjelaskan mengenai definisi dan teori kefarmasian serta konsep kefarmasian di dalam pelayanan dan pengembangan. Selain itu juga akan menjelaskan definisi konsep kefarmasian pelayanan dan kefarmasian umum, dan kefarmasian di dalam pelayanan. Fokusnya di mana akan membahas kefarmasian pelayanan juga akan ditunjukkan bagaimana

2.0



KAJIAN LITERATUR

RUJUKAN

- Badaruddin Mohamed** (2001). *'Pembangunan Pelancongan: Pendekatan dan Prinsip'*. Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd: Prentice Hall.
- Beerli, A. and Martin, J.D** (2003). 'Tourists' Characteristics and The Perceived Image of Tourist destination: a Quantitative Analysis: A Case study of Lanzarote, Spain. *Journal of Tourism Management* 25, m.s. 623-636.
- Callander, M. and Page, S.J.** (2003). 'Managing Risk in Adventure Tourism Operations In New Zealand: A Review Of The Legal Case History And Potential For Litigation'. *Journal of Tourism Management* 2, m.s. 13-23.
- David, L. Edgell, SR.** (1990). *'International Tourism Policy'*. Van Nostrand Reinhold. m.s. 171.
- Fennel, D.A.** (2003). *'Ecotourism: an Introduction 2nd Edition'*. Rotledge Taylor & Francis Group London and New York.
- Ferreira, S. and Harmse, A.** (2000). 'Crime and Tourism in South Africa: International Tourists' Perception and Risk'. *South African Geographical Journal*, m.s. 80-85.

George, R. (2003). 'Tourist's perceptions of safety and security while visiting Cape Town'. *Journal of Tourism Management* 24, m.s. 575-585.

Gunn, C. A. and Var, T. (2002). 4th Edition. '*Tourism Planning*'. New York: Taylor and Francis.

Inskeep, E. (1991). '*Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach*'. Van Nostrand Reinhold: New York.

Kelly, I. and Nankervis, T. (2001). '*Visitor Destination*'. John Wiley & Sons Australia, Ltd.

Kementerian Kewangan Malaysia (2001), *Rancangan Malaysia Kelapan: Bab 15, Pelancongan*, Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Kementerian, Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan (1997). '*Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia*'.

Kerajaan Negeri Pahang (2003), '*Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Pahang 2002-2020*'.

Lois, P., Wang, J., Wall, A. and Ruxton, T. (2002), 'Formal Safety Assessment of Cruise Ships'. *Journal of Tourism Management* 25 m.s 93-109.

Maslow, A.H. (1943), 'A Theory of Human Motivation.' *Psychological Review*, Vol 50.

Mill, R. C. and Alastair, M. M. (1985). 'The Tourism System: An Introductory Text'.
Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.

Norlida Hanim Mohd Salleh (2000). 'Valuating Outdoor Recreation Resources: A
Case Study at Taman Negara, Pahang Darul Makmur'. Universiti Putra
Malaysia, Selangor.

Page, S. J. And Meyer, D. (1996). 'Tourist Accidents: An Exporatory Analysis'.
Annals of Tourism Research, Vol 23.

Page, S. J. and Barker, M. (2002). 'Visitors Safety in Urban Tourism Environments:
The Case of Auckland, New Zealand'. Elsevier Science Ltd.

Page, S. J., Bentley, T. and Walker, L. (2005). 'Tourist Safety In New Zealand and
Scotland'. *Annals of Tourism Research*, Vol 32.

Rohana Yusof (2004). 'Penyelidikan Sains Sosial'. PTS Publications & Distributors
Sdn. Bhd.

Sonmez, S. F., and Graefe, A. R. (1998). 'Influence of terrorism, risk on foreign
decisions'. *Annals of Tourism Research* 25.

Swarbrooke, J., Beard, C., Leckie, S. & Pomfret, G. (2003). '*Adventure Tourism*'.

The New Frontier, Butterworth Heinemann.

Tourism Malaysia (2005). '*Malaysia Tourism: Statistics*'. (di capai pada 29 April

2006). <http://www.tourism.gov.my/statistic/default.asp>

Tourism Malaysia (2006). '*Profile of Tourists by Selected Markets 2004*'. Planning &

Research Division, Tourism Malaysia.

Weaver, D. (1995). '*Ecotourism*'. John Wiley & Sons Australia, Ltd.

http://www.biology_online.org. (dicapai pada 5 Mei 2006)